

**PENILAIAN PROJEK TAMAN INDUSTRI KECIL DESA (IKD)  
DI WILAYAH KEDA.**

Kajian Kes : Taman Industri Kecil Desa (IKD) Napoh, Kedah

**NUR ZURAIDA BINTI AWANG ISMAIL**

Tesis ini dikemukakan sebagai memenuhi syarat penganugerahan Ijazah Sarjana  
Muda Perancangan Bandar dan Wilayah.

Fakulti Alam Bina  
Universiti Teknologi Malaysia

NOVEMBER, 2006

## ABSTRAK

Sektor perindustrian merupakan salah satu sektor yang memainkan peranan penting dalam membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Dalam fasa kedua pembangunan negara, kerajaan telah mula campur tangan dalam pembangunan industri di kawasan luar bandar melalui lembaga kemajuan wilayah dengan tujuan untuk membasmi kemiskinan, mengurangkan jurang ketidakseimbangan pendapatan antara kaum serta memajukan ekonomi kawasan luar bandar. Salah satu bahagian pengurusan wilayah pembangunan di Negeri Kedah ialah Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA) yang berperanan penting dalam pembangunan industri di negeri ini. Oleh itu, pihak KEDA telah menyediakan Taman Industri Kecil Desa (IKD) sebagai satu langkah untuk memajukan kawasan luar bandar. Namun, usaha untuk membangunkan Taman IKD supaya berkembang dengan lebih cepat masih lagi gagal kerana terdapat bangunan industri dan bengkel-bengkel yang tidak terjual dan beroperasi. Kawasan yang dipilih untuk kajian ini ialah Taman IKD Napoh yang melibatkan soal selidik di kalangan 14 pengusaha. Hasil analisis menunjukkan projek Taman IKD masih kurang berjaya kerana tidak memenuhi kriteria-kriteria yang terdapat dalam aspek fizikal dan ekonomi. Dari aspek fizikal, lokasi Taman IKD Napoh kurang menawarkan tenaga kerja yang mahir dan mempunyai masalah dari segi penyediaan kemudahan asas dan utiliti yang mencukupi. Dari aspek ekonomi, masih terdapat pengusaha yang tidak dapat memperkembangkan perusahaannya dan hanya beroleh pendapatan bulanan RM 1000. Perusahaan yang dijalankan juga tidak dapat mengeluarkan hasil produk dalam kuantiti yang banyak dan hanya dipasarkan di sekitar kawasan, dalam mukim dan dalam daerah sahaja. Selain itu, terdapat juga beberapa masalah yang timbul di kawasan industri ini iaitu masalah kemudahan asas dan utiliti yang sediada, kurang tenaga kerja masih dan masalah kewangan di kalangan pengusaha. Oleh itu, cadangan seperti peningkatan keperluan asas dan bentuk galakan yang sesuai juga perlu diberikan kepada pengusaha supaya industri di kawasan luar bandar terus berkembang maju di samping meningkatkan taraf sosioekonomi masyarakat luar bandar. Kajian yang dijalankan ini, diharap dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam melaksanakan strategi yang lebih berkesan dalam membangunkan industri luar bandar. Dengan itu, secara tidak langsung akan memenuhi matlamat dan hasrat wawasan 2020 sebagai sebuah negara maju yang berdasarkan kepada industri yang mana tidak akan wujud perbezaan yang ketara antara kawasan bandar dengan kawasan luar bandar.

## ABSTRACT

*Approaching era 2020, industrial sector will be one the main sectors that will prosper the future of national economics. In the second phase of the development of the country, the government have seriously involve in developing industry in remote area with establishment of the development agencies which relate with state economic. The development of province authority has been established to reduce the poverty and also the difference earnings between races. As one of the plan to balance the development in Kedah state, they had established three management divisions and once are Kedah Regional Development Authorities (KEDA). With the authority that they have, KEDA has built an area for the SMI to build up the remote area of the state. But, the development very low and still has building that not to sale. The research area that will be discuss in this paper, have been done in the SMI are in Napoh, parish of Hosba, in Kubang Pasu territory of Kedah. There are 14 entrepreneur involved in this research. From analysis, there are several problems in area study, such as facilities problems, the sufficients labor to support the industries and financial problems. To make this SMI area achieve the mission of the project in KEDA province, the government and relevance agencies must have good strategic planning. Therefore, cooperation with various party including the government, relevance agencies and private sector is the key of great achievement in developing such project in this research area. Overall, to recognize this industrial program as one of the underlying principal of major development of the country and to balance the physical and socioeconomic, monitoring of the project must be continuous from time to time. This will ensure that all of the program will work accordingly. However, monitoring the program must do continuously to help this sector develop rapidly parallel with the other development.*